



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



Tel: +603-2083 4000
Faks: +603-2083 4100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Rujukan: SKM.IP.(SULIT) :1413.JLD2/(13)
Tarikh : 14 Februari 2018

Pengurus,
Salihin Abang
Unit2A-1 Level 1
Tower2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral5,
KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

Tuan,

PELAWAAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM PERISIAN AUDIT KOPERASI (PRIDIK) YANG MELIBATKAN AKTIVITI ANALISIS, REKA BENTUK, PEMBANGUNAN SISTEM, PENGUJIAN, INTEGRASI, MIGRASI, LATIHAN DAN PENTAULIAHAN SISTEM SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA TAHUN 2018 - S001/2018

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan adalah dipelawa untuk mengemukakan sebut harga bagi tawaran sebut harga di atas secara atas talian (online) dengan pihak SKM.

3. Taklimat akan diadakan pada **27 Februari 2018 (Selasa), jam 9.30 pagi** bertempat di Bilik Mesyuarat Zamrud, Aras G, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Kehadiran sesi taklimat adalah **wajib**. Hanya penama di dalam **Sijil Pendaftaran Akuan Syarikat sahaja** yang boleh hadir ke sesi taklimat sebut harga. **Penama** wajib membawa **dokumen** di atas bagi mengesahkan kehadiran di sesi taklimat sebut harga.

2. Hanya penyebut harga yang menghadiri sesi taklimat dan telah berdaftar **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** dengan pihak SKM sahaja yang layak menyertai Sebut Harga ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak SKM boleh dilakukan secara atas talian (online) **<https://tenderwizard.my/SKM>** (klik pada ruangan 'Register Me' untuk pendaftaran baru).

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT.NO.: AR 5364

3. Dokumen Sebut Harga ini akan mula tersedia untuk dimuat turun mulai **27 Februari 2018** secara atas talian melalui laman sesawang <https://tenderwizard.my/SKM>. Manakala tarikh tutup sebut harga ini adalah pada **27 Mac 2018, jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **WAJIB** dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem secara atas talian melalui laman sesawang <https://tenderwizard.my/SKM>. Bersama-sama ini disertakan **Notis Pelawaan Sebut Harga di Lampiran A** untuk rujukan pihak tuan. Iklan sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web rasmi Suruhanjaya.

5. Adalah diingatkan bahawa Suruhanjaya berhak menolak sebarang sebut harga yang tidak lengkap dan menyukarkan penilaian pihak Suruhanjaya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(NUR ASIAH BINTI AMRAN)

Penolong Pengarah
Bahagian Kewangan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia